Fahami penyataan diberikan di bawah. Sila tulis " **Adil**" atau "**Tidak Adil**" tentang pernyataan diberikan.

| No. | Situasi | Tindakan |
|---|---|---|
| 1. | Fahmi membelikan buah tangan untuk semua ahli keluarga selepas balik melancong dari New Zealand. | |
| 2. | Kevin meminta adiknya mengemas bilik tidur mereka manakala dia sibuk bermain permainan komputer. | |
| 3. | Ayah memberikan pujian kepada semua anaknya yang sama-sama telah membantu membuat persiapan hari jadi nenek. | |
| 4. | Puan Sally hanya memarahi anak perempuannya yang tidak mengemas meja selepas makan. Manakala anak lelakinya dibiarkan menonton televisyen. | |
| 5. | Encik Jim telah membelikan baju baharu untuk semua anaknya setelah beliau berjaya dinaikkan pangkat dalam syarikatnya. | |
| 6. | Morris memberikan buah rambutan yang telah dipetiknya kepada semua adiknya secara sama rata. | |
| 7. | Harris telah menyembunyikan kasut roda yang telah diberikan oleh ayahnya untuk dia dan adiknya. | |
| 8. | Elsa dan kakaknya menggunakan komputer secara bergilir-gilir dalam menyiapkan tugasan sekolah. | |



LIVEWORKSHEETS